

14/09/2003

Dr Mahathir lawat Klims

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam melawat Pameran Motor Antarabangsa KL (Klims) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur.

Perdana Menteri tiba kira-kira jam 2.30 petang selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional di Menara Datuk Onn di bangunan yang sama.

Beliau meluangkan masa selama sejam melihat pameran pelbagai jenis kenderaan terbaru yang dikeluarkan syarikat tempatan dan syarikat automotif antarabangsa.

Orang ramai yang mengunjungi pameran itu tidak melepaskan peluang untuk bergambar dan bersalaman dengan Dr Mahathir yang sentiasa dikerumuni sebaik saja kehadiran beliau diumumkan pihak penganjur melalui alat pembesar suara.

Pameran itu bermula 5 September lalu dan akan berakhir hari ini.